

Disediakan untuk : \_\_\_\_\_

Tarikh dicetak pada: \_\_\_\_\_

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans empunya rumah. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am).

**Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Kami”)**  
**Nama Produk : Insurans Empunya Rumah**

#### 1. Apakah Produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada bangunan anda dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau oleh apa-apa peril yang dinyatakan dalam polisi insurans ini.

#### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi :

- Kerugian atau kerosakan bangunan anda yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.
- Kerugian atau kerosakan bangunan anda yang disebabkan oleh pesawat udara, hentaman oleh sebarang kenderaan dijalanan raya atau binatang bukan kepunyaan atau bukan di bawah kawalan pihak diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarganya, ribut angin tertakluk kepada fasa lebihan, gempa bumi tertakluk kepada fasa lebihan, banjir tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah tertakluk kepada fasal lebihan
- Kecurian tetapi jika disertakan dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar
- Pecah atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air tidak termasuk :
  - a) Yang berhubung dengan setiap satu kerugian yang amannya dinyatakan dalam jadual ( fasa lebihan – RM50.00)
  - b) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika rumah kediaman tersebut tidak dihuni.
- Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan di dalam rumah anda sehingga RM50,000.00 dan
- Kehilangan sewa (dihadkan kepada 10% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan)

Anda boleh menambahkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar premium tambahan :

- Penenggelaman dan gelinciran tanah, rusuhan, mogok, dan kerosakan niat jahat
- Menambahkan had liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan di dalam rumah anda.

Penambahan Had kepada :	Tambahan Premium Tahunan
RM100,000.00	RM10.00
RM250,000.00	RM20.00

- Kerosakan pada cermin kecuali cermin tangan
- Penambahan Had untuk Sewa

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

#### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang dilindungi :

- Perlindungan standard : RM\_\_\_\_\_ premium untuk jumlah yang diinsuranskan  
RM\_\_\_\_\_
- Perlindungan tambahan : RM\_\_\_\_\_

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar adalah : RM\_\_\_\_\_

*Nota : Polisi ini tertakluk kepada premium minima sebanyak RM60.00*

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
• Komisen yang dibayar kepada agen insurans	• 15% daripada premium
• Setem Duti	• RM 10.00
• Cukai Perkhidmatan	• 6% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan

- Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans di buat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.**

- Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahauan yang dilakukan pada harta tersebut.
- Anda boleh menginsuranskan harta anda berdasarkan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Pengambilan Semula termasuk fi akitek dan penyelaras, pengalihan debris dan mematuhi sebarang Peraturan Bangunan atau Undang-Undang Kecil Semasa ( seperti menyerahkan plan untuk diluluskan) :
  - Dasar Nilai Pengambilan Semula – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pemberaan harta yang rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengambilan semula harta tersebut.
- Jumlah yang diinsuranskan mestilah diawasi dan dikaji semula sentiasa, mewakili nilai penuh bagi mengelakan kekurangan insurans jika tidak syarat purata akan dikenakan jika berlakunya tuntutan
- Lebihan sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk perl tertentu seperti tuntutan terhadap tangki air domestik melimpah, ribut angin, gempa bumi dan banjir.
- Insurans ini tertakluk kepada 60 hari warranty premium, contoh;- premium mesti dibayar dan diterima dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti :

- Kerugian / kerosakan terhadap isi rumah

- Kerugian / kerosakan akibat penenggelaman atau gelinciran tanah, rusuhan, mogok, dan kerosakan niat jahat kecuali dengan premium tambahan.
- Harta orang gaji
- Pampasan terhadap kematian pihak diinsuranskan
- Perang, perang saudara dan mana-mana tindakan keganasan
- Kebakaran sepongat
- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pemberhentian kerja atau oleh sebab perampasan.
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian
- Kerugian akibat pecah atau peralatan atau paip air ketika rumah kediaman tersebut tidak dihuni.
- Seksyen "Liabiliti Terhadap Awam" tidak melindungi apa-apa kecederaan yang dianggap berkaitan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran asbestos atau terdedah atau potensi terdedah kepada asbestos.

*Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minima yang ditahan oleh pihak kami.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Empunya Rumah, sila rujuk kepada buku panduan info-insurans mengenai "Insurans Empunya Rumah / Isi Rumah" yang boleh didapati dari semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web [www.allianz.com.my](http://www.allianz.com.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**  
Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542  
E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
 AllianzMalaysia  
 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan**

- Insurans Kebakaran
- Insurans Isi Rumah

**NOTA PENTING :**

**ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS AND ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 05/03/2020.